



SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

ANUGERAH MEDIA SPRM 2023 SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PENYERTAAN

SYARAT UMUM ANUGERAH MEDIA SPRM 2023

- 1) Penyertaan terbuka kepada warganegara Malaysia dan Pemastautin Tetap (PR) yang berkhidmat sebagai wartawan sepenuh masa dengan mana-mana organisasi media cetak, elektronik dan portal berita yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
- 2) *Stringer* dan wartawan sambilan tidak layak menyertai Anugerah Media SPRM ini.
- 3) Selain penyertaan langsung oleh peserta, organisasi media juga boleh mencalonkan wartawan-wartawannya yang dianggap telah menghasilkan karya kewartawanan yang cemerlang pada tahun 2023 untuk menyertai Anugerah Media SPRM.
- 4) Tiada had umur ditetapkan bagi **peserta** Anugerah Media SPRM.
- 5) Sebanyak **DUA** kategori dipertandingkan iaitu Anugerah Media Cetak/Portal Berita dan Anugerah Media Elektronik.
- 6) Anugerah Media Cetak/Portal Berita SPRM meliputi satu atau kompilasi laporan berita, rencana atau laporan khas yang diterbitkan di akhbar media tempatan dan portal berita tempatan.
- 7) Anugerah Media Elektronik SPRM pula meliputi satu atau kompilasi laporan berita, laporan khas atau dokumentari yang disiarkan di televisyen.
- 8) Karya berkenaan mestilah asli dan mempunyai kaitan dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

- 9) Setiap penyertaan yang dihantar kepada urus setia sebagai bukti hendaklah karya milik individu yang menghantar permohonan penyertaan.
- 10) Penyertaan hanya terhad kepada karya yang diterbitkan mewakili organisasi masing-masing dan karya yang disiarkan di media lain tidak boleh digunakan sebagai bukti penerbitan.
- 11) Sebarang laporan atau petikan berita daripada akhbar atau media atau milik individu lain juga tidak boleh dijadikan sebagai bukti untuk menyokong penyertaan.
- 12) Bahan penyertaan hendaklah diterbitkan dalam mana-mana akhbar, portal berita dan program berita hal ehwal semasa televisyen organisasi media yang mana peserta itu berkhidmat bagi tahun 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023.
- 13) Penyertaan perlu dihantar melalui pautan *Google Drive* dan e-mel kepada anugerahmediasprm@gmail.com dengan melengkapkan borang penyertaan yang disediakan.
- 14) Setiap penyertaan mesti disertakan bersama bukti penerbitan atau siaran dan bagi media cetak ia perlu dihantar dalam format PDF.
- 15) Penyertaan hendaklah disahkan oleh Ketua Pengarang atau wakil melalui borang yang disediakan oleh Bahagian Komunikasi Strategik, SPRM.
- 16) Penyertaan untuk Anugerah Media SPRM dibuka mulai **1 Februari 2024** hingga tarikh tutup penyertaan pada **15 Februari 2024** bagi bahan-bahan yang diterbitkan dan disiarkan sepanjang tahun 2023.
- 17) Bagi karya-karya kewartawanan yang dihasilkan dalam Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil, peserta hendaklah menterjemahkan karya tersebut kepada Bahasa Melayu.
- 18) Penyertaan yang gagal mematuhi tarikh akhir yang ditetapkan tidak layak bertanding.

- 19) Setiap peserta hanya dibenarkan menghantar satu penyertaan bagi kategori Media Cetak/Portal Berita **ATAU** Media Elektronik.
- 20) Penilaian akan dilakukan oleh panel juri yang dilantik dalam kalangan Pengurusan SPRM serta tokoh media.
- 21) Keputusan panel juri adalah muktamad. Pihak penganjur tidak akan menerima sebarang rayuan atau bantahan.



**BORANG PENYERTAAN
ANUGERAH MEDIA SPRM 2023**

NAMA : _____

ORGANISASI : _____

ALAMAT : _____

TELEFON BIMBIT : _____ **TELEFON PEJABAT:** _____

EMEL : _____

KATEGORI : MEDIA CETAK/ PORTAL BERITA [] **MEDIA ELEKTRONIK** []

TAJUK : _____

SINOPSIS (Tidak lebih 50 patah perkataan)

: _____

TARIKH SIARAN / TERBITAN : _____

PENGESAHAN:

NAMA:	JAWATAN:
TANDATANGAN:	CAP RASMI ORGANISASI:
TARIKH:	